



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/56 Jld. 7 (64)
Tarikh : 12 Februari 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N36 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI PERAK

Dengan segala hormatnya saya diarahkan untuk merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses persediaan pengisian kekosongan jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 bagi agensi-agensi di Perak dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat PPT Gred N32 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti yang berikut:

- 2.1 Dinaikkan pangkat sebagai PPT Gred N32 pada 31 Disember 2015 dan sebelum;
- 2.2 Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N32 berubah ke tarikh 1 Januari 2016 dan seterusnya;
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2017, 2018 dan 2019) tidak kurang 80%;
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.8 Tidak bersara wajib atau memilih bersara pilihan dalam tempoh 3 tahun daripada tarikh iklan dikeluarkan; dan
- 2.9 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

.../2

3. Semua permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D** seperti yang disertakan dan hanya calon yang bersedia untuk penempatan di **Lampiran 1 sahaja** digalakkan memohon kerana urusan pemangkuan ini hanya bagi **tujuan penempatan di lokasi yang dinyatakan sahaja**.

4. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dimohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan, JPA **sebelum atau pada 12 Mac 2020** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri**)

5. Dimaklumkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk **memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti yang dinyatakan dalam **perenggan 2 dikemukakan kepada JPA**. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- | | | | |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|--------------|
| i. | Puan Yusleli binti Hj. Mohd Yunos
(e-mel : yusleli.yunos@jpa.gov.my) | - | 03-8885 4351 |
| ii. | Encik Iylia Izzat bin Mat Rashid
(e-mel : izzat.rashid@jpa.gov.my) | - | 03-8885 4171 |

Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)

Timbalan Pengarah
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

☎ : 03-8885 4110

✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my

**SENARAI KEKOSONGAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PPT) GRED N36
DI NEGERI PERAK**

NEGERI	BIL.	AGENSI	JUMLAH
Perak	1.	Pejabat Pendidikan Daerah Perak Tengah	1
	2.	Pejabat Pendidikan Daerah Kerian	1
	3.	Pejabat Pendidikan Daerah Bagan Datoh	1
	4.	Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Perak	1
	5.	Pejabat Pendidikan Daerah Batang Padang	1
	6.	Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Kangsar	1
	7.	Pejabat Pendidikan Daerah Manjung	1
JUMLAH			7

*Penempatan pemangkuan bagi urusan ini akan dilaksanakan berdasarkan kepada kekosongan yang diiklankan sahaja.